



**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
Ibu pejabat: Tingkat 18 Bangunan Getah Asli (Menara)  
148, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur  
Emel: [general@lgm.gov.my](mailto:general@lgm.gov.my) Laman Web: [www.lgm.gov.my](http://www.lgm.gov.my)  
Unit Komunikasi Korporat | Lembaga Getah Malaysia  
Telefon: 03- 9206 2098 | 019-6655 713 Faks: 03-9206 2099  
E-Mail: [kulwant@lgm.gov.my](mailto:kulwant@lgm.gov.my), [nuratikah@lgm.gov.my](mailto:nuratikah@lgm.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA LEMBAGA GETAH MALAYSIA**

Lembaga Getah Malaysia (LGM) mengambil maklum perbahasan terkini mengenai musim tengkujuh di Parlimen. LGM mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan mengenai aktiviti menoreh semasa musim tengkujuh.

1. Kerajaan amat prihatin tentang kesukaran yang dihadapi oleh pekebun kecil getah kesan dari paras harga getah yang kurang memberangsangkan. Walaupun Kerajaan tidak dapat meneruskan bantuan musim tengkujuh (BMT) berikutan kekangan kewangan negara, Kerajaan telah mengumumkan peningkatan paras harga pengaktifan getah sekerap melalui Insentif Pengeluaran Getah (IPG) daripada RM 2.20 sekilogram kepada RM 2.50 sekilogram.
2. Untuk membantu pekebun kecil menangani impak terjejasnya pendapatan akibat musim tengkujuh, LGM mempunyai beberapa teknologi yang sedia untuk digunapakai oleh pekebun kecil getah. Antara teknologi tersebut adalah seperti alat pelindung hujan (*rain gutter*) yang membolehkan aktiviti menoreh getah dapat diteruskan walaupun pada musim tengkujuh. Ini adalah kerana teknologi

Diterbitkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Lembaga Getah Malaysia

Telefon: 03- 9206 2098 | 019-6655 713 Faks: 03-9206 2099

E-Mail: [kulwant@lgm.gov.my](mailto:kulwant@lgm.gov.my), [nuratikah@lgm.gov.my](mailto:nuratikah@lgm.gov.my), [nadhryrah@lgm.gov.my](mailto:nadhryrah@lgm.gov.my)

Laman Web : [www.lgm.gov.my](http://www.lgm.gov.my) |



Laman Rasmi Lembaga Getah Malaysia



@lgm\_mrb

tersebut berjaya mengekalkan panel torehan dalam keadaan kering sewaktu hujan yang tidak terlalu lebat. Dengan itu, pendapatan pekebun kecil tidak terputus sepenuhnya sewaktu musim tengkujuh.

3. Berdasarkan kepada statistik pengeluaran getah asli negara, didapati bahawa trend pengeluaran pada suku tahun keempat bagi tempoh 2015-2017, meningkat secara purata 14 peratus berbanding suku tahun ketiga tempoh tersebut. Ini menunjukkan sebahagian daripada kawasan getah di negara ini masih boleh ditoreh berikutan taburan hujan yang berbeza semasa musim tengkujuh.
4. Didalam setahun terdapat tiga fasa produktiviti pengeluaran getah dimana fasa pertama mulai Mac hingga Mei dimana hasil torehan biasanya rendah dan fasa kedua bermula Jun hingga Ogos dimana hasil torehan adalah sederhana. Pokok getah biasanya mengeluarkan hasil tertinggi pada fasa ketika bermula bulan September hingga Februari. Oleh itu, pada suku tahun keempat, produktiviti getah berada di paras maksimum dan pekebun kecil digalakkan untuk menoreh pada ketika hari tidak hujan dan ini mampu untuk menjana pendapatan mereka.
5. Untuk melaksanakan aktiviti penorehan, pekebun kecil akan mula ke kebun seawal 3 pagi dan selesai empat jam kemudiannya. Walaubagaimanapun masa yang lebih panjang diperlukan sekiranya mereka mengeluarkan lateks di mana tambahan



sehingga dua jam diperlukan sebelum mereka boleh pulang ke rumah. Aktiviti penorehan digalakkan di awal pagi kerana tekanan dalaman pokok (*turgor pressure*) bagi menghasilkan lateks yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pekebun kecil mempunyai masa lapang di waktu petang untuk melaksanakan aktiviti ekonomi sampingan yang lain bagi meningkatkan pendapatan.

6. LGM juga telah memperkenalkan teknologi penuaian lateks, Sistem Torehan Berintensiti Rendah (*Low Intensity Tapping System*) (LITS) yang dapat meningkatkan produktiviti melalui bahan rangsangan atau penggalak susu getah. Dengan menggunakan teknologi LITS, pokok getah boleh ditoreh dengan kekerapan yang lebih rendah seperti sekali dalam tempoh empat hari, atau dua kali dalam tempoh seminggu tetapi tetap mengeluarkan hasil yang sama. Oleh itu, hari yang tidak menoreh boleh digunakan untuk menoreh di kebun lain bagi pekebun kecil yang mempunyai kebun yang melebihi 1.2 hektar atau untuk menjalankan aktiviti ekonomi sampingan seperti integrasi tanaman dan ternakan bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil.
  
7. LGM akan meningkatkan kerjasama dengan agensi kerajaan lain yang berkaitan dengan getah seperti RISDA, FELCRA dan FELDA untuk mempromosi teknologi sedia ada kepada kumpulan sasar khususnya penoreh getah. LGM juga akan mempergiatkan libat urus dengan NGO dan persatuan-persatuan berkaitan getah bagi mendekati pekebun-pekebun kecil getah.



Diterbitkan oleh:

---

**Unit Komunikasi Korporat | Lembaga Getah Malaysia**

Telefon: 03- 9206 2098 | 019-6655 713 Faks: 03-9206 2099

E-Mail: [kulwant@lgm.gov.my](mailto:kulwant@lgm.gov.my), [nuratikah@lgm.gov.my](mailto:nuratikah@lgm.gov.my), [nadhyrah@lgm.gov.my](mailto:nadhyrah@lgm.gov.my)

Laman Web : [www.lgm.gov.my](http://www.lgm.gov.my) |



Laman Rasmi Lembaga Getah Malaysia



@lgm\_mrb